

ANALISIS TERHADAP FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP PELAJAR ASNAF IPT TERHADAP KEUSAHAWANAN

*Analysis of Factors that Influencing Attitude of Asnaf IPT Students
toward Entrepreneurship*

Bahtiar Jamili Zaini^{1*}
Mohammad Nizam Sarkawi²
Rosnalini Mansor³
Abdul Manaf Bohari⁴
Mohd Adil Mustaffa⁵

^{1,3} School of Quantitative Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

^{2,4} School of Business Management, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

⁵ Lembaga Zakat Negeri Kedah, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah

*Corresponding author (Email: bahtiar@uum.edu.my)

Diterima: 16 Februari 2021, Diproses: 18 Februari 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

Abstrak: Pendidikan dalam bidang keusahawanan adalah amat penting dan harus diberikan tumpuan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara kita terutamanya dikalangan golongan asnaf. Pengetahuan mengenai bidang keusahawanan perlu diterapkan semenjak awal pendidikan persekolahan kerana ia sangat mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf. Banyak di kalangan keluarga asnaf telah menghantar anak mereka belajar sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan telah diberi pendidikan dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf di IPT terhadap bidang keusahawanan melalui kajian soal selidik dalam talian. Kajian ini melibatkan sebanyak 333 pelajar kategori asnaf di seluruh IPT yang menerima bantuan zakat daripada Pusat Zakat Negeri Kedah. Hasil kajian menunjukkan pelajar asnaf amat responsif terhadap keempat-empat sikap iaitu sikap peribadi, sikap norma subjektif, sikap kawalan tingkah laku dan sikap keusahawanan. Pembolehubah sikap peribadi dan sikap norma subjektif mencatatkan skor min yang lebih tinggi berbanding kawalan tingkah laku dan sikap keusahawanan. Hasil kajian ini dapat membantu pihak institusi zakat memahami dengan lebih mendalam antara faktor latar belakang keluarga asnaf dan sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan disamping dapat menyediakan bantuan dan khidmat nasihat yang bersesuaian untuk membantu pelajar asnaf IPT menceburi bidang perniagaan.

Kata Kunci: Asnaf, Institusi Pengajian Tinggi, Keusahawanan, Sikap pelajar, Zakat.

PENGENALAN

Keusahawanan telah memainkan peranan penting dalam kemakmuran ekonomi dan kestabilan sosial di banyak negara maju. Di Malaysia, terdapat gelombang yang semakin meningkat dalam pembangunan keusahawanan di kalangan penduduk. Keusahawanan adalah proses merancang, melancarkan, dan menjalankan perniagaan baru, contohnya syarikat permulaan

yang menawarkan produk, proses atau perkhidmatan (Yetisen et al., 2015). Keusahawanan juga diterapkan dengan maksud mengambil kemungkinan risiko semasa menguruskan perniagaan untuk membuat keuntungan. Seorang usahawan juga dikenali sebagai pemimpin dalam perniagaan dan pencipta idea dan strategi perniagaan baru. Usahawan merasakan peluang perniagaan baru dan mereka sering menunjukkan kecenderungan positif dalam persepsi mereka, misalnya, berat sebelah ke arah mencari kemungkinan baru dan keperluan pasaran yang tidak dipenuhi dan sikap mengambil risiko yang membuat mereka lebih mudah mengeksplorasi peluang tersebut (Zhang & Cuerto, 2018).

Keusahawanan telah diiktiraf sebagai elemen penentu atau penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara (Nafukho & Muyia, 2010). Bidang keusahawanan hari ini banyak ditawarkan di universiti sebagai sebahagian daripada kurikulum dalam pengajian ijazah, namun tahap keusahawanan masih lagi tidak menunjukkan potensi yang sepatautnya. Bidang keusahawanan ini seharusnya diberikan tumpuan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara kita terutamanya dikalangan golongan asnaf iaitu terutamanya golongan fakir, miskin dan fisabilillah. Maka, selari dengan usaha untuk membasmi kemiskinan, ilmu keusahawanan perlu diterapkan dalam kalangan pelajar-pelajar asnaf kerana ia adalah antara pekerjaan yang menjadi tumpuan masyarakat pada masa ini dan juga untuk suatu anjakan paradigma yang boleh membawa perubahan dalam kehidupan mereka supaya menjadi lebih stabil dari segi kewangan serta supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan selesa (Nadzri, Sultan, & Baharudin, 2016).

Masalah kemiskinan di kalangan asnaf boleh diatasi dengan menjadikan keusahawan sebagai jalan keluar. Untuk itu, penerapan nilai dan sifat keusahawanan dalam jiwa setiap pelajar-pelajar dari kalangan keluarga asnaf tersebut. Pendidikan dalam bidang keusahawanan amat penting agar setiap usahawan dari kalangan keluarga asnaf ini mendapat ilmu perniagaan yang mencukupi dan mengelakkan mereka gagal dalam usaha semasa menjalankan perniagaan. Malah, pengetahuan mengenai bidang keusahawanan perlu diterapkan semenjak awal pendidikan persekolahan untuk menarik minat, keyakinan dan ilmu yang mencukupi dalam menceburi bidang perniagaan. Faktor pendidikan adalah faktor yang sangat mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf, selain daripada bantuan modal, sokongan dan bantuan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan asnaf (Yaakub & Adnan, 2019).

Perniagaan merupakan salah satu pekerjaan yang boleh diceburi oleh pelajar-pelajar asnaf, malah penyertaan mereka dalam bidang perniagaan mendapat bantuan dan sokongan daripada institusi zakat di setiap negeri. Institusi zakat menyediakan pelbagai platform dan kemudahan untuk keluarga asnaf yang berminat dan menepati syarat-syarat tertentu bagi mendapatkan bantuan modal, khidmat nasihat dan sebagainya yang boleh membantu mereka menjalankan perniagaan. Program pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia dapat membantu menjana pendapatan golongan asnaf agar mereka dapat keluar daripada masalah kemiskinan dan meningkatkan tahap ekonomi keluarga tersebut. Namun menceburi bidang perniagaan adalah suatu bidang yang sangat mencabar. Banyak juga usahawan yang gagal dalam perniagaan mereka walaupun mempunyai bantuan kewangan yang kukuh. Apatah lagi golongan asnaf yang sentiasa terhimpit dengan kesempitan hidup. Oleh itu tidak menghairankan jika usahawan asnaf yang cuba dibentuk berakhir dengan kegagalan.

Banyak di kalangan keluarga asnaf telah menghantar anak mereka belajar sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sudah tentu pelajar asnaf di IPT mempunyai tahap pendidikan

yang lebih baik, namun tidak semua pelajar IPT dari keluarga asnaf ini menceburkan diri ke dalam keusahawanan. Banyak faktor yang boleh mempengaruhi minat dalam bidang keusahawanan dikalangan pelajar IPT dari keluarga asnaf. Antaranya latar belakang pelajar itu sendiri, tahap pendidikan, bantuan yang diperoleh serta sikap dan minat dalam menceburkan diri ke dalam keusahawanan. Sehubungan dengan itu kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis latar belakang keluarga asnaf dan mengenalpasti faktor-faktor sikap asnaf terhadap bidang keusahawanan.

KAJIAN LITERATUR

Pada tahun 1971 Penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah menyemarakkan sektor keusahawanan berkembang menjadi suatu bidang kerjaya yang utama dalam pembangunan masyarakat dan ekonomi (Nadzri et al., 2016). Perkara ini bertepatan dengan matlamat utama pelaksanaan dasar ini iaitu pembasmian kemiskinan dan penstrukturkan semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi antara kaum.

Golongan usahawan memainkan peranan penting dalam menggerakkan perubahan dalam struktur ekonomi masyarakat sesebuah negara (Shamsuddin, Sarkawi, & Jaafar, 2018). Ini dapat dilihat dari aspek bagaimana keusahawanan menjadi jalan keluar kepada isu pengangguran. Masalah pengangguran berlaku setiap kali universiti mengeluarkan beribu-ribu graduan setiap tahun. Kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para graduan tidak dapat digunakan untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Pengetahuan turut menjadi penyumbang kepada usahawan bagi membangunkan perniagaan mereka kerana sebelum memulakan perniagaan, usahawan perlu melihat dan menilai beberapa perkara seperti keadaan persekitaran, mengetahui undang-undang dan peraturan kerajaan yang berkaitan di samping pengetahuan berkaitan masyarakat.

Sejajar dengan pandangan Ahmad (2012) bahawa potensi sebagai usahawan bukanlah sesuatu yang boleh diwujudkan dalam diri individu secara tiba-tiba namun perlu melalui usaha dan komitmen yang jitu. Antara ciri-ciri perlu ada pada setiap usahawan adalah keberanian mengambil risiko, pemikiran kreatif dan inovatif, bijak menghidu peluang, berkeyakinan tinggi, berpandangan jauh, berorientasikan perancangan serta mampu menerima teguran dan kritikan membina. Sehubungan dengan itu juga, anjakan paradigma yang telah dilakukan oleh beberapa institut zakat di Malaysia telah merancakkan lagi agenda pemerkasaan ekonomi golongan asnaf.

Pelaksanaan program pembangunan ekonomi yang dirangka khusus buat golongan asnaf bertujuan menyediakan platform buat mereka yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan pemberian bantuan sokongan berupa modal perniagaan, modal pusingan, kursus kemahiran dan sebagainya. Hasilnya, matlamat untuk melahirkan golongan usahawan asnaf yang berdaya saing mampu direalisasikan (Abai, Awang, Yusoff, Majid, & Hamli, 2020). Keusahawanan adalah salah satu bidang pekerjaan yang amat digalakkan di dalam Islam kerana segala kemewahan boleh didapati dengan menjalankan perniagaan. Seperti mana yang telah diingatkan oleh Rasulullah SAW bahwasanya 90 peratus daripada sumber rezeki datangnya daripada kegiatan perniagaan iaitu sebahagian daripada aktiviti keusahawanan. Malah, ia juga disokong oleh Yusof (2010), dengan menyatakan bahawa kerjaya usahawan mulia disisi agama bukan semata-mata kerja yang dilakukan itu memberi kebaikan kepada orang malah ia disebabkan oleh ciri-ciri dan sikap yang dimiliki

oleh mereka. Antara sifat-sifat tersebut adalah berani mencuba, penetapan matlamat yang jelas, berdaya inovatif, cekal, yakin diri dan bertanggungjawab.

Berdasarkan kajian Ahmad (2012), didapati bahawa keusahawanan asnaf sukar dibangunkan kerana kualiti asnaf adalah rendah. Beliau juga berpandangan bahawa satu perubahan budaya dalam kehidupan iaitu berubah daripada gaya hidup kemiskinan kepada dunia keusahawanan yang amat mencabar. Oleh itu tidak menghairankan jika usahawan asnaf yang cuba dibentuk berakhir dengan kegagalan. Apa yang lebih mendukacitakan ialah kegagalan usahawan asnaf ini telah menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan terhadap institusi zakat kerana dianggap telah gagal melaksanakan agihan wang zakat. Institusi zakat dikatakan gagal melaksanakan tanggungjawab semata-mata kerana masih ada kemiskinan dalam masyarakat. Tanggapan negatif ini sebenarnya merupakan satu hukuman kepada institusi zakat, iaitu hukuman yang tidak adil (Ahmad, 2012).

Sehingga kini, kekurangan kajian khusus yang memperincikan tentang sikap pelajar yang dikategorikan sebagai asnaf terhadap bidang keusahawanan. Oleh itu, adalah amat penting untuk membuat kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf di Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan memfokuskan dalam bidang keusahawanan.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Pembentukan Borang Soal Selidik

Kajian ini adalah berdasarkan tinjauan soal selidik berkaitan dengan sikap pelajar asnaf dalam bidang keusahawanan. Instrumen soal selidik ini dibentuk yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A mengandungi item mengenai maklumat peribadi atau dikenali sebagai latar belakang demografi. Manakala bagi Bahagian B pula, ia mengandungi 20 item bagi mengukur nilai keusahawanan berdasarkan sikap peribadi, norma subjektif, kawalan tingkah laku, dan nilai keusahawanan (Liñán & Chen, 2009). Tinjauan soal selidik ini menggunakan skala semantik dari 1 hingga 7. Skala 1 mewakili yang sangat tidak setuju manakala skala 7 mewakili yang sangat setuju. Dalam setiap item, semakin tinggi skor setiap item, semakin tinggi sikap keusahawanan responden.

Pengumpulan Data

Data akan dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian yang diedarkan menggunakan aplikasi *Google Form*. Populasi responden terdiri daripada seluruh pelajar kategori asnaf yang menerima bantuan zakat daripada Pusat Zakat Negeri Kedah iaitu sebanyak 600 pelajar. Sebanyak 333 pelajar asnaf IPT dipilih dari kajian ini menggunakan persampelan rawak berstatistik untuk memastikan semua pelajar mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

Analisis statistik deskriptif digunakan dalam menganalisis boleh ubah demografi terhadap responden iaitu dari segi jantina, umur, pendidikan, latar belakang keluarga dan juga sikap terhadap bidang keusahawanan.

ANALISIS HASIL KAJIAN

Latar Belakang Responden

Secara umumnya, sejumlah 333 responden telah menjawab soal selidik ini dengan pelajar perempuan adalah 267 orang (80.2%) manakala 66 pelajar (19.8%) adalah pelajar lelaki.

Merujuk kepada Jadual 1, dari aspek umur responden, didapati bahawa majoriti responden iaitu 248 (74.5%) dalam lingkungan umur 20-21 tahun. Dari aspek tahap pendidikan pula, majoriti responden memiliki SPM (43.2%), diikuti STPM (37.5%) dan diploma (19.2%).

Jadual 1: Bilangan responden berdasarkan jantina, umur dan tahap pendidikan

		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	66	19.8
	Perempuan	267	80.2
	JUMLAH	333	100.0
Umur	Bawah 19	12	3.6
	20 – 21	248	74.5
	22 – 23	64	19.2
	24 - 25	9	2.7
Tahap pendidikan	JUMLAH	333	100.0
	SPM	144	43.2
	STPM	125	37.5
	Diploma	64	19.2
	JUMLAH	333	100.0

Jadual 2 menunjukkan tahap pendidikan ibu dan bapa bagi responden. Jika dilihat tahap pendidikan bapa, didapati bahawa majoriti tahap pendidikan bapa adalah SPM iaitu 189 (56.8%) dan diikuti tahap sekolah rendah (63 orang), ijazah (28 orang), STPM (22 orang), diploma (20 orang) dan tiada pendidikan formal (11 orang). Manakala, tahap pendidikan ibu menunjukkan sedikit corak yang berbeza, dengan majoriti adalah SPM sejumlah 200 orang (60.1%) diikuti sekolah rendah (50 orang), STPM (42 orang), diploma (18 orang), ijazah (13 orang) dan tiada pendidikan formal (10 orang).

Jadual 2: Tahap pendidikan ibubapa

	Tahap Pendidikan Bapa		Tahap Pendidikan Ibu	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Tiada pendidikan formal	11	3.3	10	3.0
Sekolah rendah	63	18.9	50	15.0
SPM	189	56.8	200	60.1
STPM	22	6.6	42	12.6
Diploma	20	6.0	18	5.4
Ijazah	28	8.4	13	3.9
JUMLAH	333	100.0	333	100.0

Jadual 3 adalah sektor pekerjaan ibu dan bapa responden. Majoriti pekerjaan bapa responden adalah bekerja sendiri iaitu 157 orang (47.1%) manakala majoriti pekerjaan ibu responden adalah tidak bekerja iaitu 225 orang (67.6%). Dalam konteks ketidakupayaan bekerja iaitu merujuk kepada kategori ibu dan bapa responden yang sudah berpencen, sudah meninggal dan tidak bekerja, secara keseluruhannya 101 orang bapa responden dan 242 orang ibu responden berada dalam kategori ini.

Jadual 3: Pekerjaan ibubapa

	Pekerjaan Bapa		Pekerjaan Ibu	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Bekerja sendiri	157	47.1	42	12.6
Sektor kerajaan	25	7.5	13	3.9
Sektor swasta	49	14.7	25	7.5
Berpencen	35	10.5	5	1.5
Sudah meninggal dunia	46	13.8	12	3.6
Tidak bekerja	20	6.0	225	67.6
Lain-lain	1	0.3	11	3.3
JUMLAH	333	100.0	333	100.0

Jadual 4 pula menunjukkan pendapatan bulanan isi rumah bagi ibubapa responden. Secara umumnya, pendapatan kasar bulanan isi rumah adalah berpendapatan kurang daripada RM4000 sebulan iaitu 321 orang (96.4%). Dalam pada itu, majoriti isi rumah berpendapatan di antara RM1000 – RM2000 (147 isi rumah) dan diikuti bawah RM1000 (119 isi rumah). Kedua-dua kategori ini adalah mewakili 79.8 peratus daripada 333 isi rumah kepada responden kajian.

Jadual 4: Pendapatan kasar bulanan seisi rumah

	Kekerapan	Peratus
Bawah RM1000	119	35.7
RM1000 - RM2000	147	44.1
RM2000 - RM3000	43	12.9
RM3000 - RM4000	12	3.6
RM4000 - RM5000	7	2.1
RM5000 keatas	5	1.5
JUMLAH	333	100.0

Sikap Pelajar Asnaf Terhadap Keusahawanan

Kajian ini melihat empat aspek sikap terhadap keusahawanan iaitu sikap peribadi, sikap norma subjektif, sikap kawalan tingkah laku, dan nilai keusahawanan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5, Jadual 6, Jadual 7 dan Jadual 8. Merujuk kepada Jadual 5 sikap peribadi. Hasil kajian mendapati bahawa kelima-lima item mencatatkan nilai min di atas 4.00 dengan item 3 (5.68) mencatatkan skor tertinggi, diikuti oleh item 1 (min 5.46), item 5 (4.45), item 4 (5.30) dan item 2 (5.24). Skor min tertinggi iaitu item 3 “Sekiranya saya mempunyai peluang dan sumber, saya berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri” secara langsung menunjukkan sikap responden yang ingin membuka perniagaan mereka sendiri di masa hadapan.

Jadual 5: Sikap peribadi

	Purata	Sisihan Piawai
1. Menjadi usahawan memberi lebih kebaikan dari keburukan kepada diri saya	5.46	1.288
2. Kerjaya sebagai usahawan menarik minat saya	5.24	1.276
3. Sekiranya saya mempunyai peluang dan sumber, saya berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri	5.68	1.269
4. Menjadi usahawan memberi kepuasan bagi diri saya	5.30	1.287

5. Walaupun diberi beberapa pilihan saya lebih memilih untuk menjadi usahawan	4.45	1.432
---	------	-------

Jadual 6 adalah merujuk kepada aspek norma subjektif. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga item mencatatkan nilai min di atas 5.00 dengan item 7 (5.89) mencatatkan skor tertinggi, diikuti oleh item 6 (min 5.73) dan item 8 (5.46). Skor min tertinggi iaitu item 7 “Sekiranya saya berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri, keluarga terdekat akan memberi sokongan akan keputusan saya” secara langsung menunjukkan responden yang inginkan sokongan dari keluarga dalam menjalankan perniagaan.

Jadual 6: Norma subjektif

	Purata	Sisihan Piawai
6. Sekiranya saya berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri, orang terdekat akan memberi sokongan akan keputusan saya.	5.73	1.067
7. Sekiranya saya berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri, keluarga terdekat akan memberi sokongan akan keputusan saya.	5.89	1.129
8. Sekiranya saya berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri, rakan-rakan akan memberi sokongan akan keputusan saya	5.46	1.136

Jadual 7 pula merujuk kepada kawalan tingkah laku. Hasil kajian mendapati bahawa hanya item 14 yang mencatatkan skor min di atas 5.00, manakala lima item yang lain mencatatkan nilai min di antara atas 4.00 – 4.90 dengan item 10 (4.48) mencatatkan skor tertinggi, diikuti oleh item 11 (min 4.43), item 12 (4.29), item 13 (4.23) dan item 9 (4.10). Skor min tertinggi iaitu item 14 “Sekiranya saya berusaha untuk memulakan perniagaan, saya mempunyai kemungkinan besar untuk berjaya” secara langsung menunjukkan keyakinan responden untuk berjaya dalam perniagaan mereka.

Jadual 7: Kawalan tingkah laku

	Purata	Sisihan Piawai
9. Untuk memulakan perniagaan dan sentiasa berfungsi adalah mudah bagi saya	4.10	1.277
10. Saya bersedia untuk memulakan perniagaan yang berdaya maju	4.84	1.322
11. Saya dapat mengawal proses penciptaan perniagaan baharu	4.43	1.310
12. Saya tahu butiran praktikal yang diperlukan untuk memulakan perniagaan	4.29	1.378
13. Saya tahu bagaimana mengembangkan projek keusahawanan	4.23	1.367
14. Sekiranya saya berusaha untuk memulakan perniagaan, saya mempunyai kemungkinan besar untuk berjaya	5.03	1.224

Jadual 8 pula merujuk kepada nilai keusahawanan. Hasil kajian mendapati bahawa semua item mencatatkan skor min di atas 4.00, dengan item 15 mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.86, diikuti oleh item 17 (min 4.82), item 18 (4.73), item 20 (4.67), item 19 (4.61) dan item 16 (4.41). Skor min tertinggi iaitu item 15 “Saya bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan” secara langsung menunjukkan tahap kesungguhan responden untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam perniagaan mereka.

Jadual 8: Nilai keusahawanan

	Purata	Sisihan Piawai
15. Saya bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan	4.86	1.365
16. Matlamat profesional saya adalah menjadi seorang usahawan	4.41	1.465
17. Saya akan berusaha untuk memulakan dan menjalankan syarikat saya sendiri	4.82	1.397
18. Saya bertekad untuk mewujudkan firma di masa hadapan	4.73	1.538
19. Saya sangat serius untuk memulakan syarikat	4.61	1.494
20. Saya mempunyai niat yang mantap untuk memulakan firma suatu hari nanti	4.67	1.523

RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa keempat-empat sikap terhadap keusahawanan iaitu sikap peribadi, sikap norma subjektif, sikap kawalan tingkah laku, dan nilai keusahawanan mencatatkan nilai min di atas nilai 4.00. Pemboleh Ubah sikap peribadi dan sikap norma subjektif mencatatkan skor min di atas 5.00 untuk kesemua item kecuali item 5 “Walaupun diberi beberapa pilihan saya lebih memilih untuk menjadi usahawan” dengan nilai min 4.45. Dalam pada itu, bagi pembolehubah sikap kawalan tingkah laku dan nilai keusahawanan, item-item di bawah pembolehubah berkenaan mencatatkan nilai min di atas 4.00 – 5.00, kecuali item 14 “Sekiranya saya berusaha untuk memulakan perniagaan, saya mempunyai kemungkinan besar untuk berjaya”. Perbandingan nilai min untuk kesemua item di bawah empat pemboleh ubah berkenaan menunjukkan bahawa skor min tertinggi iaitu item 7 “Sekiranya saya berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri, keluarga terdekat akan memberi sokongan akan keputusan saya”. Ini adalah selaras dengan kajian Yaakub dan Adnan (2019) yang melihat sokongan keluarga adalah aspek penting untuk kejayaan dalam bidang keusahawanan.

Berdasarkan hasil kajian, mencadangkan agar program khusus seperti latihan, ceramah dan bengkel diberikan juga untuk keluarga usahawan asnaf kerana keluarga adalah pendorong mereka untuk berjaya. Program ini adalah bagi membina mentaliti dan sikap menyokong di kalangan keluarga asnaf untuk menyokong pekerjaan sebagai usahawan seperti yang diceburi oleh anak mereka. Untuk itu, pihak Lembaga Zakat boleh merangka program yang sesuai ke arah menjadikan institusi keluarga sebagai faktor pendorong besar kepada kejayaan perniagaan di kalangan usahawan asnaf. Ini disokong oleh kajian Hashim, Othman, & Buang (2009) yang merumuskan bahawa latar belakang keluarga yang terlibat dalam perniagaan berhubung positif dengan kejayaan usahawan.

Hasil daripada kajian ini juga, institusi zakat dapat memahami dengan lebih mendalam antara faktor latar belakang keluarga asnaf dan sikap pelajar asnaf IPT terhadap keusahawanan. Dengan itu, pihak institusi zakat dapat menyediakan bantuan dan khidmat nasihat yang bersesuaian untuk membantu pelajar asnaf IPT menceburi bidang perniagaan. Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu pihak universiti atau institusi untuk menjalankan program-program yang lebih berkonsepkan keusahawanan kepada pelajar asnaf IPT mendapat pendedahan yang lebih luas mengenai ilmu keusahawanan sekaligus mempertingkatkan sikap mereka terhadap bidang keusahawanan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada atas sokongan kewangan yang diterima dari Universiti Utara Malaysia, Institut Penyelidikan Zakat dan Inovasi (IPIZ UUM), dan juga agensi luar Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atas pembiayaan kajian ini melalui Skim Geran Agensi Luar Awam (Kod S/O: 14721). Kami juga mengucapkan terima kasih kepada penilai kertas kerja ini atas cadangan yang membina.

RUJUKAN

- Abai, D. S. A., Awang, M. D., Yusoff, A. N. M., Majid, A. A., & Hamli, H. (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: Kajian empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93–99. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.353>
- Ahmad, S. (2012). Membangun keusahawanan asnaf: Analisis konsep model pemindahan teknologi. *Jilid, 1*, 709–715.
- Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187–203.
- Liñán, F., & Chen, Y. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 33(3), 593–617. <https://doi.org/10.1111/j.1540-6520.2009.00318.x>
- Nadzri, S., Sultan, N. S. M., & Baharudin, N. A. (2016). Kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. In *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)* (Vol. 2016, pp. 239–260).
- Nafukho, F. M., & Muyia, M. A. H. (2010). Entrepreneurship and socioeconomic development in Africa: a reality or myth? *Journal of European Industrial Training*, 34(2), 96–109. <https://doi.org/10.1108/03090591011023961>
- Shamsuddin, J., Sarkawi, M. N., & Jaafar, A. R. (2018). *Laporan perlaksanaan program pembangunan usahawan zakat Kedah*.
- Yaakub, Z., & Adnan, N. I. M. (2019). Faktor-faktor kejayaan usahawan ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 11(1), 82–93.
- Yetisen, A. K., Volpatti, L. R., Coskun, A. F., Cho, S., Kamrani, E., Butt, H., ... Yun, S. H. (2015). Entrepreneurship. *Lab on a Chip*, 15(18), 3638–3660. <https://doi.org/10.1039/C5LC00577A>
- Yusof, A. A. (2010). *Pengenalan kepada usahawan dan keusahawanan*. Kuala Lumpur: ScholarMind Publishing.
- Zhang, S. X., & Cuerto, J. (2018). The study of bias in entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 41(3), 419–454. <https://doi.org/10.1111/etap.12212>